

INFO U\$AHAWAN

usahaawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25
ISSN 1823-6421



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

TERBITAN EDISI 25: MEI - JUN 2022

PENAUNG

DR ROSMAN MAHMOOD

CHIEF EDITOR / KETUA EDITOR

PUAN NIK FAZLIN HIRYATI NIK JAAFAR

MANAGING EDITOR / EDITOR URUSAN

CIK NOORMALINJASARI ALI

EDITOR

PUAN SUZILA SALLEH

PUAN NASIHA ABDULLAH

PUAN NORHAYATI HUSIN

PUAN ROSEZIAH AZNI ABD GHANI

PUAN 'ATIQAH RASHIDAH ABU SAMAH

PUAN HASMIDA MOHD NOOR

PUAN RASLINA MOHAMED NOR

PUAN SITI FATIMAH MARDIAH HAMZAH

ENCIK WAN AHMAD KHUSAIRI WAN CHEK

DESIGNER / PEREKABENTUK

ENCIK ABDUL RANI JUSOH

PUAN NOOR HAFIZA MOHAMMED



Kandungan

Artikel

Coret-coret Ketua Pengarang	...1
Catatan Editor Urusan	...2
Siti Khadijah's (SK) Success Story	...3
Manfaat Media Seni dalam Ketengahan Bakat Seni	
Lukis untuk Usahawan Seni	4-5
Pengurusan Risiko Perniagaan dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Insurans atau Takaful Perniagaan	6-7
Ancaman kepada Rekod Kewangan (Bahagian Ke 8)	...8
You Deal With Us, You Deal With the Best	...9
Nasi Ganja	...10
Biar Kecil Janji Stabil: KAPIT KAPIT	
Multilicious	...11
Social Media Influencers and Digital Economy: Moving Forward	12-13
Cabarani Perniagaan Perhotelan Semasa Pandemik	...14
Kepentingan dan Kewajiban Hubungan Pekongsi antara Satu Sama Lain dalam Perniagaan Perkongsian	
Kerang Rebus Public Phone	16-17
Keusahawanan Sosial di Era Pandemik dan Endemik	...18
Komuniti Kampung Manfaatkan Latihan Keusahawanan	...19
Keusahawanan di Kalangan Mahasiswa: Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025	...20
Kopitalk Coffee Menerjah Bumi Kanggaru	21-22
Licik Kejar Peluang Ciri Usahawan Berjaya	...23
Start-up Pelancongan Pintar sebagai Laluan Kerjaya Graduan Pelancongan	...24
Menjana Pendapatan Sampingan di Kalangan Pelajar	...25
Mijies Café & Nursery : Wajah Usahawan Siswa Kental	...26
Keuntungan Tanpa Sedar, Strategi Perniagaan Alumni	27-28
Dreamy Makmur: A Taste of Cloud 9	...29

Artikel

MS	Artikel	MS
	Pembangunan Keusahawanan Mahasiswa Melalui Makmal Peruncitan Universiti	...30
	Sonian Ramadan Berhemah 1443	...31
	Strategi Jualan Usahawan Pintar	...32
	Strategi Pemasaran Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Eta Endemik	...33
	Kelebihan Menggunakan POS kepada PKS	...34
	Kopitiam: Legasi Gastronomi Keluarga Malaysia	...35
	Usahawan Alumni Dan Buku Ajaib	...36
	Usahawan dan E dagang Semasa Pandemik Covid19	...37
	Usahawan Kampus : Ada Rasa, Tak Punya Masa	...38
	Usahawan Kopi Separuh Masa: Betul ke Mudah?	...39
	Hijrah dan Rahsia Usahawan Berjaya Siri 5: Ayuh para usahawan! Perkasakan diri dan perniagaan anda. Jom amalkan “A-Z Wahai Bangsaku.. “Moh Jadi Usahawan”	...40
	Profil Siswapreneur UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka	...41
	Usahawan Alumni : Dari Pelayan ke Pengusaha Restoran	...42
	Strategi Keusahawanan Mampan di Kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	...43
	Adaptasi Teknologi dan Inovasi dalam Perniagaan Riderunner: Memacu Penggerak Ekonomi Setempat	...44
	Usahawan Siswa: Memanfaatkan Usia Muda	...45
	Manfaat 'Service', Pembayaran Beli Dahulu bayar Kemudian kepada Usahawan Digital	...46
	Usahawan Perlu Contohi Budaya Pengurusan Restoran Mamak	...47
	Menerapkan Gaya Tiki Taka Dalam Perniagaan	...48
	The Uniqueness of Family Business	...49
	Kajian Memahami Tingkahlaku Pengguna dalam Meningkatkan Kemajuan Ekonomi Usahawan	...50
	Uncertain External Environment: Business Need to Cope Quick	...51
	Usahawan Dalam Keadaan Bahaya Bila...	...52

Kandungan

Artikel

MS

Dearmakeuplover - Pit Stop Virtual Kosmetik	
Antarabangsa	...55
Cerita Agropreneur Muda	...56
Islamic Entrepreneurship: Khalifah dan Ibadah	...57
MAMASAB – Inspirasi Kejayaan Usahawan Wanita Muslim	...58
Kewangan Keusahawanan: Satu Perbincangan Mengenai Kajian Era Baru Bahagian 1	...59
Lisan atau Bukan Lisan, Kesan Kepada Usahawan Kewangan dan Industri Kecil dan Sederhana	...60
Sistem Peruncitan Logistik dan Alam Sekitar	...61
Usahawan Sukan Lasak – Mejar (B) Haznain Ngamil	63-64
Briged MASMED: Pasukan Sukarelawan Keusahawanan Mahasiswa	65-66
Briged MASMED dan Kemahiran Teknologi SME Food Entrepreneurs and Food Crisis	67-68
Usahawan Kopi Penuhi Citarasa ‘Coffee Hunter’	...69
Strategi Pemasaran 4C dalam Perniagaan Online	70
	71-72



Ibrah Hijrah Rasulullah SAW untuk Usahawan berjaya (yadim.com.my)

Hijrah dan Rahsia Usahawan Berjaya

Siri 5: Ayuh para usahawan! Perkasakan diri dan perniagaan anda. Jom amalkan "A-Z"

Ruzanifah Kosnini¹ dan Nor Hayati Samba Mohamed²

¹Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, Kota Bharu, Kelantan

²Fakulti Perakaunan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Machang, Kelantan

*Koresponden: ruzanifah@umk.edu.my

Di dalam siri yang lepas, Fokus dan Gigih telah dibincangkan sebagai ciri-ciri usahawan yang berjaya. Kali ini, konsep Hijrah diperkenalkan sebagai satu ciri penting dalam memperkasakan diri usahawan.

Hijrah

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Hijrah bermaksud berpindah atau meninggalkan sesuatu tempat untuk pergi ke tempat lain. Seorang usahawan yang berjaya pastinya telah melalui proses hijrah dalam dirinya. Mengambil ibrah dari peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW ketika berdepan ancaman daripada kaumnya di Kota Mekah. Allah SWT memerintahkan baginda agar berhijrah dan meninggalkan tanah airnya yang tercinta.

Apa yang boleh dipelajari dari peristiwa hijrah Rasulullah SAW ini adalah perancangan yang teliti dan pelbagai strategi yang dibuat untuk memastikan kelancaran misi hijrah ini. Satu musyawarah telah dibuat bersama-sama para sahabat sebelum bergerak ke Madinah. Pesembunyian Nabi Muhammad SAW bersama Saidina Abu Bakar RA di Gua Thur merupakan satu strategi. Ada sahabat yang ditugaskan untuk mengintip rahsia pihak musuh, ada yang menguruskan makanan dan susu untuk Rasulullah SAW, ada yang menjadi jurupandu, menghapuskan jejak kaki dan sebagainya.

Tuntutan hijrah pada hari ini bukan lagi sekadar perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Proses melakukan hijrah yang menyeluruh perlu meliputi penghijrahan fizikal, mental dan juga spiritual.

Hijrah Fizikal

Peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW memberi indikasi bahawa penghijrahan fizikal itu perlu untuk mencapai kejayaan. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah SWT (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapat di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah" (Surah an-Nisa, Ayat 100). Melihat dari perspektif seorang usahawan, ayat al-Quran di atas memperlihatkan janji Allah SWT bahawa mereka yang berhijrah kerana Allah akan diganjari dengan rezeki yang banyak.

Hijrah Mental

Hijrah secara mental adalah termasuk penghijrahan dalam cara berfikir dan cara melihat sesuatu perkara. Dari perspektif seorang usahawan, penghijrahan mental ini melibatkan perubahan sikap termasuklah berfikiran positif, tidak berputus asa, berfikir di luar kotak, dan bertanggungjawab. Untuk mengubah cara berfikir, usahawan perlu meningkatkan ilmu pengetahuan. Kepentingan menuntut ilmu dinyatakan di dalam Surah Al-Mujaadalah ayat 11 yang bermaksud,"Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan." Hijrah mental juga dapat dicapai dengan kesabaran menghadapi pelbagai cabaran dalam perniagaan menerusi sikap yang positif.

Hijrah Spiritual

Penghijrahan secara menyeluruh melibatkan kesemua aspek iaitu fizikal, mental dan akhirnya mencapai tingkat hijrah tertinggi iaitu penghijrahan spiritual. Dalam aspek spiritual, ia melibatkan penghijrahan hati dan tahap keimanan seseorang. Proses melaksanakan segala tuntutan agama dan berterusan melakukan kebaikan akan membawa kepada peningkatan kualiti keimanan dan ketakwaan. Hijrah spiritual dalam konteks usahawan adalah usaha mendekatkan diri kepada Allah dengan jalan perniagaan. Keyakinan bahawa setiap rezeki adalah kurniaan Allah taala lalu menjadikan perniagaan sebagai satu bentuk ibadah lalu usahawan tidak hanya memikirkan tentang keuntungan dengan cara yang tidak betul. Bahawa kejayaan seorang usahawan itu dilihat juga pada kejujuran yang jauh dari pengamalan riba, penipuan dan penindasan.

Sebagai kesimpulan, semangat hijrah sangat penting dalam memperkasakan diri usahawan. Semangat untuk melakukan perubahan dan penambahbaikan tanpa henti serta meninggalkan budaya lama yang merugikan diri sendiri dan masyarakat perlu dipupuk dan dimulakan dengan tindakan ke arah yang lebih baik. Para usahawan yang sanggup berhijrah kerana Allah SWT dan berdoa bersungguh-sungguh di dalam menyempurnakan penghijrahan ini Insya-Allah akan memperoleh kejayaan sebenar di dunia dan akhirat.